



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
23 FEBRUARI 2021 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | | |
|---|-----------------------------------|---|
| - | Kes di Selangor kembali meningkat | 5 |
|---|-----------------------------------|---|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
23 FEBRUARI 2021 (SELASA)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kes di Selangor kembali meningkat
Muka Surat	5

Kes di Selangor kembali meningkat

SH 23/2/2021 mss

Malaysia catat kes sembuh lebih tinggi berbanding kes positif pada Isnin

KUALA LUMPUR

Sebanyak 2,192 kes baharu Covid-19 direkodkan pada Isnin menjadikannya jumlah kumulatif kes Covid-19 dalam negara sebanyak 285,761 setakat ini, selain enam lagi kematian dilaporkan akibat pandemik itu dalam tempoh 24 jam lepas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes sembuh harian sebanyak 3,414 kes yang dilaporkan, juga lebih tinggi berbanding kes positif harian menjadikannya jumlah sembuh keseluruhan hingga kini sebanyak 252,623 kes.

"Kes aktif pula setakat ini ialah 32,076 kes," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, daripada jumlah kes baharu harian itu, sebanyak 2,189 merupakan kes tempatan melibatkan 1,337 warganegara dan 852 warga asing, manakala tiga lagi adalah kes import melibatkan dua warganegara dan seorang warga asing.

Selangor, katanya, terus mencatatkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 910 kes diikuti Kuala Lumpur (303 kes), Sarawak (221) dan Johor (211).

Dr Noor Hisham berkata, kes kematian yang dilaporkan pada Isnin melibatkan dua kes di Selangor dan masing-masing satu kes di Pahang, Johor, Sabah serta Sarawak, dengan lingkungan umur mereka antara 17 dan 84 tahun.

Katanya, 199 kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) dengan 91 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Beliau berkata, 109 kes dilaporkan berkaitan kluster di penjara dan depot tahanan imigresen, antaranya membabitkan Kluster Tembok Tapah dengan 39 kes, Kluster Tembok Bende-

ra (26), Kluster Penjara Jalan Harapan (25) dan Kluster Tembok Pengkalan Chepa (9).

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, lapan lagi kluster baharu dikenal pasti semalam, dengan tujuh daripadanya berkaitan tempat kerja manakala satu kluster melibatkan komuniti iaitu Emperoh Jambu di Sarawak.

"Kluster tempat kerja yang dikenal pasti ialah Tapak Bina Jalan Kota, Tapak Bina Lombong Timah dan Pasar Jalan Putra di Selangor; Tapak Bina Sungai Batu (Kuala Lumpur); Industri Sungai Gadut (Negeri Sembilan); Hilir Sungai Kluang (Pulau Pinang); Sungai Bakong (Sarawak)," katanya. - Bernama



DR NOOR HISHAM